

Suhaimi nafi capai persefahaman

KUALA LUMPUR: Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, semalam menafikan mencapai persefahaman dengan mana-mana pihak untuk membolehkan pemimpin baru dilantik mengetuai badan itu pada pemilihan Ogos depan.

"Tidak timbul soal siapa akan dipilih. Soal saya mempertahankan jawatan atau ada pemimpin lain dipilih akan ditentukan pada pemilihan itu.

"Saya tak dengar ada pihak mahukan pemimpin baru kononnya atas persetujuan saya dengan pihak yang satu lagi (Reezal Merican Naina Merican)," katanya ketika dihubungi, di sini semalam.

Beberapa pihak sebelum ini mendakwa wujud persefahaman antara Suhaimi dan Reezal Merican untuk tidak bertanding bagi mengembalikan perpaduan dalam pertubuhan berkenaan.

Persefahaman itu akan memberi latihan kepada seorang pemimpin baru untuk mengetuai GPMS.